

03/05/1997

Jangan keliru istilah `assabiyah'

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Jumaat - Ahli Umno diingatkan supaya tidak terkeliru dengan tuduhan pemimpin Pas kononnya Umno mengamalkan dasar kebangsaan atau `assabiyah' yang dilarang oleh Islam.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata pemimpin Pas sengaja mengeluarkan fitnah itu untuk menakutkan ahli Umno yang tidak memahami konsep dan pengertian sebenar `assabiyah'.

Menurutnya, `assabiyah' yang dilarang oleh Islam ialah semangat berpuak-puak sehingga menzalimi puak yang lain.

"Sedangkan Umno mengamalkan dasar kebangsaan atau `assabiyah' untuk melakukan keadilan kepada semua pihak dan tidak menzalimi pihak yang lain," katanya.

Beliau berucap di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat anjuran Umno bahagian Pengkalan Chepa di Maktab Perguruan Kota Bharu (MPKB), di Dewan Wawasan maktab itu, dekat sini, semalam.

Majlis yang diadakan sempena mesyuarat agung cawangan Umno berkelompok dirasmikan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Hadir sama ialah Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor dan Ketua Umno bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Mohd Ariffin Abdul Hamid.

Menurut Annuar, pemimpin Pas sengaja menggunakan istilah bahasa Arab untuk menakut-nakutkan ahli Umno yang tidak begitu faham pengertiannya yang sebenar bagi melemahkan semangat mereka daripada meneruskan perjuangan bersama Umno.

"Pemimpin Pas sengaja menggunakan perkataan itu untuk membuktikan bahawa merekalah yang memperjuangkan politik mengikut kehendak Islam," katanya.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar kesal dengan kenyataan pemimpin Pas yang mendakwa kononnya ahli parti itu tidak perlu menentang Yahudi untuk berjihad dalam parti kerana sudah memadai dengan hanya menentang Umno.

Kenyataan itu, katanya, sama seperti dakwaan pemimpin Pas kononnya Umno adalah kafir dan bukan parti Islam.

Beliau juga mendedahkan ada pihak tertentu dalam Pas berasa bimbang dengan kedudukannya, terutama apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diiktiraf oleh negara Islam.

"Sedangkan mereka yang mencanangkan perjuangan Islam tidak dapat berbuat sesuatu untuk kepentingan agama Islam, terutama di peringkat antarabangsa," katanya.

Menurutnya, keadaan mereka lebih tertekan lagi apabila masalah pentadbiran dalam negeri dan hubungan dengan pihak istana belum dapat dipulihkan.

(END)